

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 9 NOVEMBER 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita berkumpul dan bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita walaupun makluman perjumpaan kita pada pagi ini dikeluarkan dalam masa kita bercuti namun sokongan padu semua staf amatlah saya hargai. Pertemuan kita ini bukan hanya sebagai tempat untuk menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada seluruh warga UniMAP. Kepada yang baru sampai dari kampung, saya berharap agar hari raya anda pada tahun ini lebih meriah dari tahun sebelumnya. Kepada mereka yang

tidak pulang berhari raya, saya telahpun meminta Cik Syahiza untuk menjemput semua staf melalui emel ke majlis rumah terbuka saya pada hari raya yang pertama Ahad lalu. Alhamdullilah, ramai yang hadir memeriahkan majlis pada hari tersebut dan semoga majlis tersebut mendapat keberkatan daripadaNya.

Apabila bercakap tentang sambutan Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Korban, semalam (Selasa) iaitu hari ke tiga hari raya korban, kita di UniMAP telah menumbangkan 15 ekor lembu yang melibatkan penyertaan 90 staf UniMAP. Itu merupakan angka terbesar sejak dilaksanakan pada tahun 2003. Kita bermula dengan 2 ekor lembu dikorbankan dan penyertaan tahun ini adalah penyertaan terbanyak sekali. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri anda. Semoga jumlah staf yang menyertai ibadah korban ini akan terus meningkat pada setiap tahun.

Saya pasti ada di antara anda di sini yang turut menyertai ibadah korban semalam. Terima kasih buat semua yang terlibat dalam gotong royong ibadah korban semalam. Tanpa anda mungkin majlis yang kita anjurkan ini tidak dapat dijalankan lancar semalam. Tahniah dan terima kasih. Kepada mereka yang turut sedekahkan bahagian mereka kepada rumah orang tua dan anak yatim serta mereka yang kurang berkemampuan, terima kasih saya ucapkan. Semoga niat ikhlas anda berkongsi dengan mereka yang lain mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Selain itu, kita di UniMAP sangat peka akan situasi saudara kita yang tidak berkemampuan untuk merasai nikmat hari raya korban seperti yang kita rasai ini. Oleh itu, kita akan kembangkan perlaksanaan ibadah korban ini ke negara-negara yang mempunyai penduduk miskin dan tidak pernah berpeluang merasai suasana korban dengan menyalurkan bantuan kewangan melalui kedutaan di negara tersebut bagi membolehkan beberapa ekor lembu di korbankan kepada mereka. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

Cukup dahulu mengenai ibadah korban. Di sini saya ingin berkongsi mengenai pemilihan Pasukan Bola Sepak UniMAP bagi mewakili Negeri Perlis dalam Perlawanan Piala Agong menentang pasukan Kelantan pada 12 November 2011 (Sabtu) di Stadium Sultan Muhammad IV di Kota Bharu, Kelantan. Pihak Pusat Sukan kita berinisiatif dengan menyediakan 4 buah bas kepada semua warga UniMAP dan keluarga yang berminat untuk menyaksikan perlawanan tersebut.

Saya menyeru semua staf yang ‘kaki bola’ atau sesiapa yang berminat serta mempunyai kelapangan untuk turut sama memberi sokongan kepada pasukan kita. Moga dengan sokongan kita itu akan membakar semangat mereka untuk berjuang habis-habisan dan meraih kemenangan dalam perlawanan tersebut sekaligus mengharumkan bukan sahaja nama Perlis tetapi nama UniMAP ini.

Sebelum terlupa, petang ini saya dan penyelidik UniMAP akan berlepas ke Croatia bagi menyertai **Pameran 36th International Invention Show Zagreb Fair (INOVA, CROATIA)** yang akan diadakan di **Zagreb International Fair** bermula 8 hingga 13 November 2011. Kita akan menghantar 7 produk dari staf penyelidik kita dan 8 produk dari penyelidik muda kita dalam kategori pelajar. INOVA adalah antara pameran penyelidikan yang berprestij dan secara jujurnya saya mengharapkan agar kita berjaya meraih kemenangan besar dalam pameran ini. Hal ini kerana produk-produk yang terpilih adalah antara produk terbaik yang dihasilkan oleh penyelidik kita. Justeru itu, saya menyeru semua yang ada di sini untuk mendoakan kejayaan delegasi kita di pameran tersebut. Berikan tepukan semangat buat semua penyelidik kita.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukuplah setakat ini, saya Sudah ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun,

**Kembang Bunga, di awal pagi,
Sejuk dipandang, hasrat terkabul,
Harapan tinggi, meraih pingat lagi,
Di bumi Croatia, mogak termakbul.**

Sekian. Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.